

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1988/89

AMU 302 - Pengiklanan

Tarikh : 25 Oktober 1988

Masa : 2.15 ptg. - 5.15 ptg.
(3 jam)

Jawab SEPULUH soalan daripada Bahagian A dengan memberi jawapan ringkas sahaja. Pilih dan Jawab DUA soalan daripada Bahagian B.

BAHAGIAN A

1. Oleh kerana radio bukan saluran visual, apakah cabaran-cabaran yang ada dalam membentuk iklan radio?
2. Apakah peranan utama dalam penggunaan analisis situasi apabila membentuk kempen baru?
3. Strategi media dan kreatif harus diambilkira serentak. Bincang secara ringkas.
4. Apakah tiga cara utama dalam pembentukan "appeal" pengiklanan?
5. Kenapakah pengiklan-pengiklan menganggap bidang antropologi, sosiologi dan psikologi penting dalam pengiklanan?
6. Bagaimanakah pengiklanan luar digunakan sebagai sebahagian daripada kempen pengiklanan?
7. Kebanyakannya perancang media mengambilkira frekuensi sebagai langkah pertama dalam pembentukan rancangan media. Kenapa?

8. Mengapakah perlu anda mengetahui tentang persaingan apabila merancang strategi media.
9. Bincangkan perbezaan utama di antara gol pemasaran dan gol pengiklanan.
10. Bagaimanakah stail-hidup pengguna diguna dalam strategi persegiemenan?
11. Apakah kelebihan dalam menggunakan maklumat psikografik dengan demografik apabila membentuk strategi sasaran pasaran?
12. Terangkan mesej-mesej yang digunakan dalam ketiga-tiga peringkat "spiral" pengiklanan.
13. Bincangkan peranan promosi jualan dalam perancangan kempen pengiklanan.
14. Kenapakah "storyboard" digunakan dalam pembentukan iklan televisyen?
15. Apakah kelebihan pengiklanan melalui pos jika dibandingkan dengan pengiklanan melalui media massa?

(50 markah)

BAHAGIAN B

1. YEO HIAP SENG akan mengeluarkan satu minuman kesihatan baru tanpa bahan-bahan awetan ataupun perwarna. Minuman ini adalah ditujukan kepada pengguna-pengguna yang aktif dalam sukan serta suka menjaga rupabentuk badan mereka. Hanya NUTRA-SWEET digunakan sebagai pemanis oleh kerananya ia hanya mengandungi satu kalori jika dibandingkan dengan gula biasa. Minuman-minuman ini mengandungi buah-buahan tempatan serta berbitamin.

Agensi anda, MEGA-MEDIA telah berjaya mendapatkan akaun YEO ini dan anda mengambil peluang untuk memimpin keseluruhan kempen. Terangkan langkah-langkah yang akan dirancang oleh anda sebagai respons kreatif untuk minuman YEO ini.

(25 markah)

(AMU 302)

2. Kemalangan di lebuhraya sedang meningkat dan Kementerian Pengangkutan bercadang untuk mengadakan kempen keselamatan jalanraya. Agensi anda, BARRACUDA ADS telah dipanggil untuk membentuk satu kempen yang menyeluruh. Kementerian juga mencadangkan supaya pengiklanan luar patut dimasukkan ke dalam rancangan kempen anda.

Apakah rancangan anda untuk kempen keselamatan lebuhraya ini?

(25 markah)

3. YAOHAN tidak lama lagi akan membuka kedainya di KOMTAR. Pengurus Besarnya Encik Tanaka rasa bahawa mereka perlu mengadakan sesuatu kempen promosi jualan untuk memperkenalkan YAOHAN kepada penduduk Pulau Pinang. Agensi anda CRAZY-EDDIE telah diberi tugas membentuk kempen promosi jualan sepanjang tahun 1989.

Bentangkan strategi-strategi anda dalam kempen promosi jualan untuk YAOHAN.

(25 markah)

--oooo000oooo--